# Melestari sumber air



Prof Dr Edy Tonnizam Mohamad

Air ungkapannya mudah, namun sangat kritikal demi kelangsungan hidup. Air minuman bersih dan selamat sangat perlu. Begitu juga air untuk pertanian sebagai sumber bekalan makanan, industri serta kesejahteraan sejagat. Pada kaca mata lain, air juga mampu mengundang bencana besar apabila banjir melanda.

Dalam surah al-Mu'Minun, ayat 18 Allah berfirman: "Dan Kami turunkan hujan dari langit dengan sukatan yang tertentu serta Kami tempatkan dia tersimpan di bumi; dan sesungguhnya Kami sudah tentu berkuasa melenyapkannya."

Perubahan iklim dirasai dunia akhir-akhir ini jelas mengganggu gugat keselamatan dan punca krisis air. Iklim panas melampau dan hujan berlebihan membawa fenomena ekstrem belum pernah kita rasai. Satu situasi dengan kekontangannya dan satu lagi mengakibatkan limpahan banjir serta tanah runtuh mengancam manusia. Perubahan iklim mendorong pengontangan sungai serta pencemaran yang dijangka menyumbang 20 peratus kekurangan bekalan air menjelang 2050.

Kesan El Nino melanda negara pada 1997-1998 sudah cukup memeritkan, terutama di Lembah Klang yang terpaksa membuat catuan air enam bulan kepada 1.8 juta penduduk. Pada 2009 dan 2010, negara juga mengalami fenomena serupa.

penyahgaraman atau 'desalination' dilaksanakan untuk menampung 1.5 juta penduduknya. Apa yang boleh disimpulkan, negara Arab sudah menggunakan pelbagai kaedah sesuai dengan iklimnya bagi menangani masalah air.

Di India pula, 85 peratus tadahan air hujan daripada Lembangan Ganges-Brahmaputra-Meghna. Walaupun menerima purata hujan tahunan 1,100mm setahun, hanya enam peratus saja air tersimpan sebagai air permukaan. Ini sekali gus menyebabkan masalah bekalan air kepada 1,200 juta penduduk. Sekarang, di India pendekatan penggunaan bersama air permukaan dan air bawah tanah sudah dilaksanakan.

Kita tidak boleh lari daripada mengaku negara kita mengalami krisis air. Apabila tiba musim kemarau, gangguan bekalan air terjadi dan kesejahteraan masyarakat terjejas. Tahun lalu beberapa negeri menghadapi krisis air. Johor, Kedah, Selangor, Perlis dan beberapa negeri lain terjejas.



Fenomena El Nino sebentar saja mengurangkan curahan hujan sebanyak 20 hingga 60 peratus dan meningkatkan suhu 2 darjah Celsius sudah cukup menjejaskan hidup kita. Sungai kita yang membekalkan sumber bekalan air sebanyak 13,753 juta liter sehari tidak mampu bertahan.

Malaysia mengalami iklim panas dan lembap sepanjang tahun. Sebanyak 990 juta meter padu air hujan turun. Separuh daripadanya



1,200mm setahun. Air hujan meresap ke dalam bumi dan tersimpan di bawah permukaan. Sumber air tanah akuifer cetek sebagai alternatif dilakukan secara terhad. Jika dibanding dengan Indonesia isi padu 15 kilometer padu setahun dan Thailand 11 kilometer padu setahun, penggunaan air tanah mereka jauh lebih tinggi daripada Malaysia yang menggunakan tiga peratus saja daripada jumlah penggunaan air

perkhidm
pemakaia
(Integrate
Managem
diarusper
peringkat
persekutu
air negara
dengan m
perhatian
kompone
a) air pe
(tersimpa
tasik dan
b) air ta
cetek(sha
ini tersim
permukaa
dengan ai
berasaska
c) air ta
(deep aqu
dalam ro